



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

GEOGRAFI

2280/1

Kertas 1

1 jam 35 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

- 1 Lapisan yang memisahkan mantel dengan teras bumi ialah
- Mesosfera
 - Astenosfera
 - Ketakselajaran Gutenberg
 - Ketakselajaran Mohorovicic

- 2 Maklumat berikut berkaitan ciri lapisan bumi.


- Dikenali sebagai barisfera
- Ketebalan 3480 km

Apakah lapisan tersebut?

- Mantel
 - Plat benua
 - Teras bumi
 - Kerak bumi
- 3 Apakah yang benar tentang ciri batuan igneus?
- Berlapis-lapis
 - Tekstur yang kasar
 - Mengandungi fosil
 - Terbentuk daripada magma dan lava

- 4 Bagaimanakah batuan basalt memberi kepentingan kepada pembangunan negara?
- Bahan binaan bangunan
 - Dijadikan barang kemas
 - Dijadikan balast landasan kereta api
 - Bahan utama pembuatan simen dan kapur

- 5 Rajah di bawah menunjukkan proses luluhawa.



Di kawasan manakah proses luluhawa di atas giat berlaku?

- Gurun panas
- Muara sungai
- Kawasan karst
- Kawasan bermusim

- 6 Apakah faedah yang diperoleh kesan proses luluhawa kimia di Malaysia?

- Menghasilkan tanah yang subur
- Memudahkan kerja mencari gali
- Meningkatkan pendapatan negara
- Menyediakan kawasan petempatan

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan jisim.

- Tiang elektrik dan pagar condong
- Berlaku runtuh di kawasan tebing

Gerakan jisim tersebut merujuk kepada

- tanah runtuh
- kesotan tanah
- aliran lumpur
- gelangsar tanah

- 8 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah mengurangkan risiko gerakan jisim.

Langkah-langkah	Pernyataan
X	Dibina daripada susunan batu-batu bersaiz antara 6 inci – 9 inci yang disusun dalam jejarang dawai dan disalut dengan PVC.


Apakah langkah yang bertanda X tersebut?

- Teres bukit
- Membina gabion
- Penyimenan cerun
- Tanaman tutup bumi

- 9 Proses menyeret beban sedikit demi sedikit oleh arus ombak dikenali sebagai

- golekan
- apungan
- lompatan
- hanyutan pesisiran pantai

- 10 Rajah di bawah menunjukkan bentuk muka bumi pinggir pantai.



Proses hakisan secara berterusan di X akan membentuk

- A teluk C anak teluk
B cenuram D batu tunggul

- 11 Foto di bawah menunjukkan alat pencerapan hujan.



Mengapakah alat tersebut ditanam kira-kira 30 cm dari permukaan tanah?

- I Mengelakkan tolok daripada tumbang
II Bacaan cerapan tolok hujan lebih tepat
III Terlindung daripada pancaran matahari
IV Mengelakkan percikan air hujan memasuki tolok hujan

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 12 Apakah punca berlakunya kemarau di sesuatu kawasan?

- A Aktiviti perlombongan
B Kesan fenomena El Nino
C Sungai yang dalam dan lebar
D Kejadian air pasang perbani

- 13 Foto di bawah berkaitan pengaruh kegiatan manusia terhadap cuaca dan iklim.




Mengapakah fenomena tersebut sering berlaku di Malaysia?

- A Pembakaran hutan berskala besar
B Penggunaan racun serangga kimia
C Penggunaan petrol tanpa plumbum
D Pembebasan gas klorofluorokarbon

- 14 Ciri tumbuhan semula jadi di bawah terdapat di kawasan berlorek dalam peta yang bertanda

- Kanopi pokok berbentuk kon
- Batang lurus, ketinggian mencapai 40 meter



DUNIA

- 15 Antara yang berikut, manakah ciri tumbuh-tumbuhan di Padang Rumput Savana?

- I Berakar panjang
II Batang berongga
III Empat lapisan yang nyata
IV Menggugurkan daun pada musim luruh

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 16 Mengapakah hidupan liar di Gurun Panas bersembunyi di dalam lubang pada waktu siang?

- A Menyesuaikan diri dengan perubahan iklim
B Menghalang pasir masuk ke dalam mata
C Mengelakkan kesejukan melampau
D Menjimatkan air dalam badan

[Lihat halaman sebelah

SULIT

17 Apakah faktor iklim yang menarik kedatangan pelancong ke kawasan di bawah?

- Bukit Fraser
- Cameron Highlands

- A Ladang teh
 B Sinaran matahari
 C Suhu yang nyaman
 D Sayur-sayuran hawa sederhana

18 Mengapakah lantai Hutan Monsun Tropika padat dengan pelbagai tumbuh-tumbuhan?

- A Tanah pasir yang subur
 B Pengaruh lapisan kanopi
 C Daun pokok gugur pada musim kering
 D Cahaya matahari boleh sampai ke bawah

19 Peta di bawah menunjukkan lokasi pemeliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar.



MALAYSIA

Apakah usaha pemeliharaan yang dilaksanakan?

- A Mewartakan taman negara
 B Mewujudkan ladang hutan
 C Menubuhkan pusat konservasi
 D Melakukan program penghutan semula
- 20 Bagaimanakah pemburuan haram memberi kesan terhadap hidupan liar?
- A Mengancam hidupan akuatik
 B Habitat hidupan liar terganggu
 C Kepupusan spesies hidupan liar
 D Hidupan liar mengalami kekurangan makanan


21 Foto berikut menunjukkan suatu kawasan dunia.



Apakah faktor kawasan tersebut berpenduduk jarang?

- A Terpencil
 B Berhutan tebal
 C Bergunung-ganang
 D Diliputi ais sepanjang tahun
- 22 Kawasan manakah mengalami penduduk padat disebabkan sistem saliran baik?
- A Siberia
 B Pulau Jawa
 C Dataran Ganges
 D Lembangan St. Lawrence


23 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor kependudukan sesebuah negara.



Apakah faktor X?

- A Taraf hidup
 B Jangka hayat
 C Taraf kesihatan
 D Pertumbuhan penduduk
- 24 Bagaimanakah penurunan kadar kelahiran memberi kesan terhadap sesebuah negara pada masa hadapan?
- A Tenaga kerja tempatan berkurangan
 B Eksport negara semakin meningkat
 C Jangka hayat penduduk meningkat
 D Golongan produktif lebih ramai

25 Rajah berikut menunjukkan piramid penduduk sebuah negara.



Apakah kesan struktur dan komposisi penduduk piramid penduduk tersebut terhadap pembangunan negara?

- A Kekurangan tenaga kerja
- B Pasaran barangan yang terhad
- C Penduduk menikmati taraf hidup tinggi
- D Kerajaan perlu menyediakan banyak peluang pekerjaan

26 Mengapakah golongan tua di negara yang mengalami piramid progresif paling sedikit?

- A Jangka hayat yang tinggi
- B Kadar kematian yang tinggi
- C Kemajuan bidang perubatan
- D Tahap pendidikan yang rendah

27 Apakah faktor utama yang mempengaruhi migrasi antarabangsa ke negara yang dituju?

- A Peluang pekerjaan
- B Peluang pendidikan
- C Kos sara hidup rendah
- D Kemudahan perkhidmatan

28 Apakah kesan ekonomi migrasi penduduk dari luar bandar ke kawasan di bawah?

- Tanah rancangan FELDA

- A Pemandahan teknologi
- B Meluaskan pasaran barangan
- C Membangunkan kawasan baharu
- D Kemudahan infrastruktur meningkat

29 Maklumat berikut tentang hierarki petempatan.

Kampung → Pekan → Bandar → Bandar raya

Apakah ciri yang mempengaruhi perkembangan status petempatan di atas?

- A Fungsi petempatan
- B Kualiti petempatan
- C Taburan petempatan
- D Jarak di antara petempatan

30 Apakah faktor yang mempengaruhi petempatan berjajar luar bandar di Malaysia?

- A Tanah laterit
- B Kegiatan pertanian
- C Taburan penduduk padat
- D Kemudahan pengangkutan

31 Apakah sumber tenaga boleh baharu?

- A Gas asli
- B Biojisim
- C Petroleum
- D Arang batu

32 Mengapakah Perancis maju dalam penjanaaan tenaga ombak?

- A Garis pantai yang panjang
- B Banyak keluaran hasil pertanian
- C Terdapat banyak kawasan tanah tinggi
- D Terletak di kawasan gunung berapi yang aktif

33 Apakah kesan perlombongan petroleum dan gas asli terhadap alam sekitar?

- I Fenomena hujan asid
 - II Kejadian tanah runtuh
 - III Perubahan pandang darat
 - IV Kepupusan hidupan akuatik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34 Antara yang berikut, manakah langkah untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber petroleum?

- A Amalan kitar semula
- B Mengurangkan eksport
- C Kempen kesedaran alam sekitar
- D Menjana sumber tenaga alternatif

[Lihat halaman sebelah

35 Foto di bawah menunjukkan jenis pelancongan di Malaysia.



Apakah jenis pelancongan tersebut?


- A Ekopelancongan
 - B Agropelancongan
 - C Pelancongan kapal
 - D Pelancongan bertema
- 36 Apakah agensi kerajaan yang membantu memasarkan keluaran negara untuk pasaran antarabangsa?
- A METI
 - B FAMA
 - C MARA
 - D MATRADE
- 37 Maklumat berikut adalah faktor yang menggalakkan pertanian di Thailand.

- Tanah pamah luas
- Tanah aluvium

Jenis tanaman yang sesuai dengan faktor di atas ialah

- A jut
- B padi
- C getah
- D kelapa sawit

38 Peta di bawah menunjukkan taburan jenis kegiatan ekonomi utama.



MALAYSIA

Apakah jenis kegiatan ekonomi utama tersebut?

- A Primer
 - B Tertier
 - C Hiliran
 - D Sekunder
- 39 Aktiviti ekonomi berikut berlaku di Malaysia.

- Industri pendingin hawa
- Industri aerosol

Apakah kesannya terhadap alam sekitar?

- A Hakisan tanah
 - B Perubahan landskap
 - C Suhu bumi meningkat
 - D Penipisan lapisan ozon
- 40 Apakah usaha untuk menjimatkan penggunaan sumber seterusnya mengurangkan pencemaran alam sekitar?
- A Program kitar semula
 - B Aplikasi teknologi hijau
 - C Penilaian Impak Alam Sekitar
 - D Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

GEOGRAFI**2280/2****Kertas 2**

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alat geometri.*
4. *Ceraikan Peta Topo untuk memudahkan anda menjawab **Soalan 1**.*
5. ***Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.***

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

**UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN**

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB
- NO. PUSAT MENUMPANG

**D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN
ATAU PERALATAN TAMBAHAN**

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN

TANDATANGAN

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2025/KMS2 yang disediakan. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


1 (a) Berapakah jarak lebuhraya kembar dari RG 679490 ke RG 695416?

.....
[2 markah]

(b) Berapakah bearing kuil di Ladang Tong Poh (RG 675455) dari tiang wayerless di Ladang Bikam (RG 683479)?

.....
[2 markah]

(c) (i) Nyatakan **dua** tanaman kontan yang diusahakan dalam segi empat grid di bawah.




.....
.....
[2 markah]

(ii) Berikan **empat** faktor yang mempengaruhi tanaman di 1(c)(i).

.....
.....
.....
.....
[4 markah]

(d) (i) Nyatakan **dua** jenis pola petempatan yang terdapat dalam segi empat grid di bawah.



.....
.....
.....
[2 markah]

(ii) Berdasarkan bukti pada peta, jelaskan faktor yang mempengaruhi pola petempatan di 1(d) (i).

.....
.....
.....
.....
[3 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Eksport Produk Getah dan Getah Asli
Malaysia dari Tahun 2017 hingga 2019

Produk	Eksport Getah (RM Bilion)		
	2017	2018	2019
Produk Getah	21.6	23.8	23.6
Getah Asli	9.1	6.5	6.1

Sumber: Diubahsuai daripada Lembaga Getah Malaysia, 2022

Jadual 1

- 2 (a) Berdasarkan Jadual 1, lukis sebuah graf bar berganda yang menunjukkan nilai eksport produk getah dan getah asli Malaysia dari tahun 2017 hingga 2019. Gunakan skala 1 cm mewakili RM 2 bilion. [Sila gunakan kertas graf **di halaman 81**]

[7 markah]

- (b) Dengan merujuk kepada graf yang telah anda lukis, jelaskan tentang pola nilai eksport produk getah dan getah asli Malaysia dari tahun 2017 hingga 2019.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Keluasan penanaman pokok getah telah berkurang sebanyak 28.1% dari tahun 2000 hingga tahun 2010, iaitu daripada 1.43 juta hektar kepada 1.03 juta hektar.

Sumber: Lembaga Getah Malaysia, 2020

Merujuk kepada maklumat di atas, terangkan usaha yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan semula keluasan tanaman getah di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

No. Kad Pengenalan

Angka Giliran

Mata Pelajaran

Graf untuk Soalan



Bahagian B

[30 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 3 berdasarkan Foto 1.



Foto 1

3 (a) Jelaskan punca berlakunya fenomena iklim dalam Foto 1.

.....
.....
[2 markah]

(b) Bagaimanakah fenomena iklim tersebut memberi kesan terhadap manusia dan alam sekitar?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

(c) Cadangkan langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kesan fenomena di atas.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

Soalan 4 berdasarkan Foto 2.



Foto 2

4 (a) Apakah fenomena alam semula jadi yang dikaitkan dengan Foto 2?

.....
.....
[1 markah]

(b) Terangkan sebab berlakunya fenomena plat tektonik di atas.

.....
.....
.....
.....
[2 markah]

(c) Kesan gempa bumi beri impak mendalam.

Sumber: *Astro Awani*, 5 Jun 2015

Jelaskan kesan fenomena tersebut terhadap penduduk setempat.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

(d) Cadangkan langkah awal yang boleh diambil bagi memastikan keadaan terkawal dan penduduk berada dalam keadaan selamat.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Soalan 5 berdasarkan Foto 3.



Foto 3

5 (a) Foto 3 berkaitan dengan hujan asid. Berikan **dua** kawasan di Malaysia yang berpotensi berlakunya fenomena tersebut.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Jelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena tersebut di 5(a).

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(c) Terangkan kesan fenomena tersebut kepada manusia dan alam sekitar.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Sebagai seorang Pegawai Alam Sekitar, cadangkan langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kejadian fenomena tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian C

[40 markah]

*Jawab dua soalan sahaja.***Arahan:** Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di **halaman 89 hingga halaman 92.****Soalan 6** berdasarkan Foto 4.

Foto 4

- 6 (a) Berdasarkan Foto 4, jelaskan faktor fizikal yang menyebabkan sesetengah kawasan di dunia mengalami taburan penduduk jarang. [4 markah]
- (b) Terangkan kesan kependudukan di negara yang mempunyai kurang penduduk. [8 markah]
- (c) Cadangkan langkah bagi mengatasi masalah kependudukan di negara kurang penduduk. [8 markah]

Soalan 7 berdasarkan Foto 5.

Foto 5

- 7 (a) Jelaskan kepentingan sumber dalam Foto 5 kepada Malaysia. [4 markah]
- (b) (i) Terangkan kesan penerokaan sumber tersebut terhadap alam sekitar. [8 markah]
- (ii) Cadangkan langkah untuk mengurangkan kesan penerokaan sumber tersebut terhadap alam sekitar. [4 markah]
- (c) Jelaskan sumber tenaga alternatif yang terbaik bagi menggantikan penggunaan sumber tersebut di Malaysia. [4 markah]

- 8 (a) Di atas Peta 1 di halaman 88, namakan:
- (i) Bandar sempadan bertanda **P**
 - (ii) Bandar pelabuhan bertanda **Q**
 - (iii) Bandar perlombongan bertanda **R**
 - (iv) Bandar pentadbiran bertanda **S**
- [4 markah]
- (b) Mengapakah sesebuah kawasan di Malaysia mengalami proses urbanisasi? [4 markah]
- (c) Terangkan kesan yang akan berlaku terhadap alam sekitar sekiranya proses urbanisasi tidak dirancang dengan baik. [4 markah]
- (d) Andaikan anda seorang perancang bandar, cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mewujudkan sebuah bandar mesra alam. [8 markah]

Soalan 9 berdasarkan Foto 6.



Foto 6

- 9 (a) Jelaskan faktor yang menggalakkan kegiatan ekonomi dalam Foto 6 di Malaysia. [8 markah]
- (b) Terangkan kepentingan kegiatan tersebut terhadap pembangunan negara. [4 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti pembalakan.

Tidak dinafikan bahawa pembalakan telah memberikan sumbangan ekonomi kepada sesebuah negara, namun perlulah dikawal dan mengikut undang-undang sedia ada tanpa menafikan keselamatan manusia dan hidupan haiwan serta penjagaan alam sekitar.

Sumber: *MyWilayah.com*, 23 Oktober 2021

- (i) Jelaskan kesan kegiatan pembalakan terhadap alam sekitar. [4 markah]
- (ii) Cadangkan langkah untuk mengatasi kesan di (c) (i). [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

No. Kad Pengenalan :

Angka Giliran :

GEOGRAFI KERTAS 2

Peta 1 untuk Soalan No. 8(a)



MALAYSIA

P	
Q	

R	
S	

